

29/10/2002

Pemuda mahu SAR diberi bantuan penuh

KUALA LUMPUR, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno mahu kerajaan memberikan bantuan penuh kepada semua sekolah agama rakyat (SAR), termasuk belanja pengurusan, pentadbiran dan gaji gurunya supaya generasi muda Islam dan seluruh jentera sekolah itu mendapat kemajuan lebih baik.

Naib Ketuanya, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, berkata langkah itu dapat menyelesaikan banyak masalah jangka pendek dan jangka panjang, termasuk menghalang usaha pihak tertentu menghasut kakitangan SAR menyalahgunakan peluang bagi kepentingan politik.

"Sejak beberapa tahun lalu, Pemuda mencadangkan kerajaan mengambil alih sepenuhnya atau memberi bantuan penuh kepada SAR kerana isu ini penting dalam pembentukan generasi muda.

"Malangnya selepas kerajaan membuat pengumuman menghentikan sementara bantuan kepada SAR yang menyeleweng dari segi tanggungjawab pendidikan, banyak masyarakat dikelirukan pihak tertentu bagi kepentingan politik," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Jumaat lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan menghentikan sementara bantuan perkapita untuk semua SAR berikutan tindakan sesetengah sekolah berkenaan menyalahgunakannya untuk tujuan politik.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Di ALOR STAR, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam negeri, Fadzil Hanafi, berkata kerajaan negeri mengesan sebahagian besar SAR di Kedah menyelitkan unsur politik pembangkang dalam pembelajaran.

Katanya, perbuatan berkenaan dikesan bukan saja berlaku ketika mengajar dalam bilik darjah, tetapi juga di surau sekolah.

"SAR ditubuhkan untuk melahirkan cerdik pandai agama dan menjadi insan berguna pada masa depan. Bagaimanapun, hasrat itu tidak dicapai kerana ada guru yang menerapkan unsur politik pembangkang dalam pembelajaran.

Di PULAU PINANG, Timbalan Ketua Menterinya, Datuk Dr Hilmi Yahaya, berkata tiada SAR di negeri ini terbabit dalam salah guna bagi tujuan politik kecuali segelintir tenaga pengajar yang bertindak secara individu.

"Tenaga pengajar itu terbabit dalam soal kepartian dan kita sudah beri amaran pada mereka. Kita akan buat tinjauan kali kedua ke sekolah yang tenaga pengajar mereka terbabit dalam kegiatan seumpama itu sedikit masa lagi," katanya.

Ketika ini, ada 84 Sekolah Rendah Agama Rakyat dan 15 Sekolah Menengah Agama Rakyat di Pulau Pinang.

Di IPOH, Kerajaan Perak menghentikan sementara pengagihan bantuan perkapita Kerajaan Pusat kepada hampir 1,000 SAR di seluruh negeri itu serta mengemaskini laporan mengenai penyelewengan peruntukan itu di sekolah tertentu.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Pendidikan negeri, Datuk Dr Abdul Malek Md Hanafiah, berkata kerajaan negeri akan menghantar laporan lengkap kepada Kerajaan Pusat mengenai pengurusan SAR yang menyalahgunakan peruntukan untuk tujuan politik.

Perak memiliki 681 SAR rendah manakala 38 SAR menengah.

Di MELAKA, Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka (Maim), Hasnoor Sidang Hussein, juga berkata tiada SAR di negeri ini dikesan terbabit dengan penyalahgunaan sedemikian.

Katanya, semua SAR yang menerima peruntukan kerajaan negeri atau pusat sentiasa dipantau untuk memastikan pembelajarannya dilaksanakan dengan baik.

"Kerajaan negeri akan terus menyalurkan bantuan kepada semua sekolah agama di negeri ini bagi memastikan institusi itu terus mendidik pelajar dengan pembelajaran yang betul," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Umno negeri berjaya mengawal kegiatan semua SAR daripada dipolitikkan pembangkang kerana institusi itu didirikan ketika Barisan Nasional (BN) memerintah.

Ahli Dewan Undangan Telemong, Tengku Putera Awang, berkata kebanyakan guru yang bertugas di SAR dilantik ketika negeri itu diterajui Umno dan kegiatan sekolah sentiasa dipantau.

Di JOHOR BAHRU, Kerajaan Johor mahu Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengkaji tindakan sebuah parti politik yang menubuhkan sebuah sekolah agama perguruan dan Pusat Asuhan Tadika Islam (Pasti).

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama negeri, Hamzah Ramli, berkata ROS perlu meneliti perkara itu kerana parti terbabit menubuhkan sekolah agama perguruan dan Pasti di seluruh negeri.

Katanya, sekolah terbabit berbeza daripada 23 SAR yang diselia Majlis Agama Islam Johor (Maij) kerana menggunakan sukatan pelajaran terancang membolehkan pelajar melanjutkan pengajian ke universiti.